



SIARAN MEDIA

PLANETARIUM NEGARA
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

PROGRAM *U.S. SPACE ENVOY VISIT,* *MR. CHARLES BOLDEN*

13 JUN 2019, KUALA LUMPUR – Program *U.S. Space Envoy Visit, Mr. Charles Bolden* merupakan program usahasama antara Planetarium Negara, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur.

Tujuan utama program ini adalah untuk menyemarak dan membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di kalangan generasi muda terutamanya golongan murid sekolah di Malaysia. Sebanyak 120 orang pelajar dari 3 buah sekolah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diundang untuk menyertai sesi *Planetarium Talk* ini. Mereka terdiri dari Sekolah Menengah Sains Alam Shah; Sekolah Menengah Sains Selangor dan Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Inisiatif Planetarium Negara dengan kerjasama Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur adalah bertujuan menggalakkan perkongsian



50th
Anniversary
1969 - 2019




kepakaran, pengetahuan dan pengalaman khusus dalam bidang sains angkasa. Oleh itu, Panel jemputan kali ini menampilkan Mr. Charles Bolden iaitu seorang bekas Ketua Pengarah NASA yang sangat berpengalaman dan beliau juga merupakan seorang angkasawan.

Penganjuran program ini juga adalah bertepatan dengan sambutan ulang tahun ke-50 pendaratan manusia di Bulan ("*50th Anniversary of Human Landing on the Moon*") dan sebagai pengisian program bersempena sambutan 25 tahun penubuhan Planetarium Negara.

Tahun 2019 juga menandakan 100 tahun penubuhan International Astronomical Union (IAU) dan program ini adalah juga bersempena dengan perayaan global yang istimewa di kalangan pengiat Astronomi.

Bersempena dengan perayaan ulang tahun yang berlaku serentak pada tahun ini, IAU juga telah menganjurkan pertandingan *Name Exoplanet* pada Mei lalu dan telah melancarkan pertandingan ini serentak di seluruh dunia pada 6 Jun 2019. Malaysia telah diberikan sebuah planet dengan sebutir bintang di pusat orbitnya untuk diberikan nama.

Oleh yang demikian, Planetarium Negara dengan kerjasama sebuah badan NGO iaitu ApaDilangit akan membuka penyertaan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah untuk pertandingan peringkat kebangsaan yang dijangka bermula pada 1 Julai 2019 sehingga 30 Ogos 2019. Kami berharap semua pelajar di Malaysia tidak akan melepaskan peluang untuk menyertai pertandingan ini dan memberikan nama bercirikan Malaysia bagi bintang dan planet di sistem suria yang telah dicalunkan.



Adalah diharapkan agar program pada hari ini akan menjadi suatu medium bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia terutamanya generasi muda untuk meminati bidang sains angkasa melalui pengaruh ketokohan dan kepakaran yang berwibawa terutamanya dari luar negara.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Planetarium Negara di talian 03-22735484 atau email info@planet.gov.my atau melayari laman sesawang Planetarium Negara di www.planetariumnegara.gov.my atau Facebook Planetarium Negara.

13 Jun 2019

Amirah Fathiah Binti Mohd Faisal

Pegawai Perhubungan Awam (012-2221770)

Planetarium Negara, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

Kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur



50th
Anniversary
1969 - 2019

